



JABATAN PELESENAN

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

Jalan Majlis, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan

No. Tel : 03-3289 1439 No. Fax : 03-3289 1101

MPKS/ISO/JPL 21	
NO. KELUARAN	01
PINDAAN	01
TARIKH PINDAAN	07.08.2021

AKU JANJI PERMIT/SEWAAN BAGI TAPAK PENJAJA DAN PASAR PAGI/MALAM 1 JANUARI 2021 SEHINGGA 31 DISEMBER 2021

Bahawa saya

No. Kad Pengenalan beralamat di

.....
.....
adalah peniaga yang berniaga di petak bernombor di lokasi
dengan sesungguhnya berjanji bahawa saya akan mematuhi segala syarat-syarat, peraturan, garis panduan,
undang-undang dan apa-apa arahan lain yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor dari
masa ke semasa sepanjang tempoh menjalankan perniagaan di **Tapak Sewaan** milik Majlis Perbandaran
Kuala Selangor

Maka dengan ini, saya sesungguhnya dan sebenar mengakui dan berjanji bahawa saya:

- i. akan sentiasa mematuhi segala syarat pematuhan dan peraturan lesen serta sewaan tapak penjaja sepertimana dinyatakan di Lampiran L39;
- ii. tidak akan mengubah/meminda/berpindah **Tapak Sewaan** tersebut tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Majlis;
- iii. tidak akan menyewakan/memajak/menjual petak **Tapak Sewaan** kepada pihak lain;
- iv. akan sentiasa berada di **Tapak Sewaan** sepanjang tempoh menjalankan perniagaan mengikut sesi yang telah ditetapkan;
- v. akan memaklumkan kepada pihak Majlis untuk melantik seorang nomini mengambil tempat saya dengan mendapat kelulusan secara bertulis daripada Pihak Berkuasa Melesen;
- vi. hanya akan menggajikan warga tempatan sahaja sebagai pembantu;
- vii. akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat bayaran bil sewa bulanan **SEBELUM TUJUH HARIBULAN PADA SETIAP BULAN**;
- viii. akan memberi kerjasama sebaik mungkin kepada mana-mana kakitangan Majlis Perbandaran Kuala Selangor atau agensi penguatkuasaan lain yang menjalankan tugas di Tapak Sewaan tersebut ;
- ix. tidak akan ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah;
- x. tidak akan membuka **meja dan kerusi** di tapak premis perniagaan;



JABATAN PELESENAN

MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR

Jalan Majlis, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan

No. Tel : 03-3289 1439 No. Fax : 03-3289 1101

MPKS/ISO/JPL 21	
NO. KELUARAN	01
PINDAAN	01
TARIKH PINDAAN	07.08.2021

- xi. tidak akan **Meninggalkan Barangan Jualan atau Peralatan** yang berkaitan dengan perniagaan selepas perniagaan ditutup. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab ke atas keselamatan barang jualan atau peralatan tersebut;
- xii. akan sentiasa menjaga dan menyelenggara petak **Tapak Sewaan** supaya bersih dan kemas dengan tidak meninggalkan sampah di tapak jualan. Semua sampah sisa perniagaan akan dibawa keluar dari tapak perniagaan dan membuangnya di tempah pembuangan sampah berhampiran.
- xiii. tidak akan **Menuntut Apa-Apa Ganti Rugi** yang ditanggung oleh saya sepanjang tempoh perniagaan yang dijalankan di **Tapak Sewaan** tersebut. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang ditanggung oleh saya.
- ix. Bersedia untuk keluar/meninggalkan tapak perniagaan apabila tidak dibenarkan lagi berniaga di kawasan tersebut.

Saya sesungguhnya sedar dan faham bahawa kegagalan/keengganan/keingkaran/kecuaian mematuhi Aku Janji ini, saya boleh diarah untuk memberhentikan perniagaan dan lesen serta tapak sewaan saya akan ditarik balik/dibatalkan oleh pihak Majlis pada bila-bila masa yang dikehendaki. Pihak Majlis juga berhak secara mutlak untuk menuntut segala tunggakan bayaran yang dikenakan kepada saya.

Tandatangan Peniaga:

.....

Nama Peniaga:

.....

No. K/P:

No. Tel:

Tarikh :

Tandatangan Pegawai:

.....

Nama Pegawai:

.....

Jawatan:

No. K/P:

Tarikh :